

Prospek kerjaya keselamatan IT

Diskusi
ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangji@yahoo.com

Apakah prospek kerjaya bagi pelajar ijazah keselamatan teknologi maklumat?

- Mamat, Tenang.

Apabila disebut ijazah atau pengajian dalam keselamatan teknologi maklumat (IT), terdapat beberapa struktur pengajian yang perlu dilihat iaitu sama ada pengajian itu secara terus dalam keselamatan teknologi maklumat (IT).

Kemungkinan juga strukturnya bawah bidang sains komputer atau (IT).

Oleh itu, secara umumnya, struktur pengajian keselamatan (IT) yang berada bawah bidang sains komputer, kejuruteraan komputer atau teknologi maklumat seperti ditawarkan di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) iaitu Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Teknologi Maklumat) mempunyai asas yang kukuh dalam bidang sains komputer atau (IT).

Oleh itu, prospek kerjayanya meliputi apa sahaja bidang sains komputer atau (IT).

Malah, bagi kerjaya tertentu seperti jurutera sistem, juruanalisis sistem, eksekutif IT, jurutera rangkaian dan sebagainya menjadikan ilmu keselamatan IT ini sebagai satu kelebihan kerana sejajar tuntutan utama dalam alam siber pada masa kini.

Kebanyakan organisasi dan dunia perniagaan menggunakan medan Internet untuk sebarang aktiviti.

Sebaliknya pula bagi struktur pengajian keselamatan IT yang tidak berada bawah bidang, jabatan atau fakulti sains komputer, kejuruteraan komputer atau IT.

Sebagai contoh, program-program yang dinyatakan itu yang terletak bawah fakulti sains dan lain-lain. Walau bagaimanapun, maklumat terperinci perlu diperolehi daripada pihak yang menawarkan

pengajian tersebut. Biasanya, kerjayanya hanya fokus kepada bidang keselamatan IT sahaja.

Namun begitu, terdapat pelbagai perspektif dalam kalangan pemain industri di negara ini seperti menyatakan bahawa pelajar bidang keselamatan IT hanya sesesuai bekerja dalam bidang keselamatan bidang tersebut sahaja sahaja.

Pada kebiasaannya hanya diperlukan minimum satu atau dua orang pegawai keselamatan IT sahaja dalam mengendalikn perkara keselamatan siber bagi sesebuah syarikat bersaiz sederhana.

Terdapat juga sijil-sijil profesional dalam bidang keselamatan komputer dan teknologi maklumat ini yang diiktiraf dalam industri pengkomputeran.

Antaranya termasuklah ENSA (*EC-Council Network Security Administrator*), CEH (*Certified Ethical Hacking*) dan CISSP (*Certified Information Systems Security Professional*) dan lain-lain.

